

FKAL Labuan ums jalin kerjasama dengan dua penggiat industri kewangan

UB 09.11.2023 P.02

LABUAN: Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalin kerjasama dengan dua penggiat industri kewangan untuk memudahkan pertukaran pengetahuan dan kepakaran antara akademia dan industri.

Menerusi pemeretaian surat hasrat (LoI), FKAL telah bekerjasama dengan penggiat terkemuka dalam industri kewangan Signature Trust Ltd.

Dekan FKAL Profesor Madya Geoffrey Harvey Tanakinjal berkata kerjasama ini bertujuan meningkatkan pengalaman akademik kepada pelajar dan kakitangan dengan mendedahkan mereka dengan cabaran dan kepakaran industri sebenar.

“Dengan merapatkan jurang antara teori dan praktikal, kerjasama ini bertujuan meningkatkan kesediaan industri kewangan menerusi latihan amali dan pengalaman



TERMETERAI: Prof Dr Geoffrey Harvey dan Lau berjabat tangan selesa menandatangani LoI di antara kedua-dua pihak di UMSKAL, Labuan, semalam. — Gambar Bernama

praktikal.

“Pemeretaian LoI berkenaan akan membolehkan Memorandum Persefahaman (MoU) atau Memorandum Perjanjian (MoA) akan datang yang menekankan bidang

kerjasama khusus antara FKAL, Signature Trust Ltd dan UMS,” katanya pada majlis penandatangan di Kampus Antarabangsa UMS Labuan di sini semalam.

Pengarah Signature Trust

Jacy Lau Aik Fong berkongsi pandangan sama sambil menekankan sumbangan kerjasama ini kepada pertumbuhan dan inovasi dalam sektor kewangan.

Bagi mengukuhkan lagi kerjasama akademik-industri, FKAL turut memeterai LoI dengan Captegist Sdn Bhd.

Geoffrey berkata LoI berkenaan menjadi asas kepada MoU atau MoA rasmi antara institusi itu pada masa depan.

“Kerjasama dengan Captegist Sdn Bhd dibuktikan dengan matlamat bersama untuk mempromosi kemajuan jangka panjang antara kedua-dua entiti dan memudahkan pertukaran idea dan pengetahuan yang memberangsangkan.

“Ia berhasrat untuk mempuaskan interaksi lebih erat antara akademia dan pakar industri, menyediakan pandangan dan pengalaman amali yang sangat berharga kepada pelajar dan fakulti,” katanya.

Menurut Geoffrey kerjasama ini akan memantapkan pelajar dan profesor di FKAL, UMS dengan akses kepada kepakaran meluas Captegist Sdn Bhd dalam perindustrian, sekali gus meningkatkan penyelidikan akademik dan aplikasi praktikal melibatkan pelbagai industri.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Captegist Luqman Hakim optimis dengan kemungkinan kerjasama pada masa depan dengan menekankan potensi untuk merapatkan jurang antara pemahaman akademik dan aplikasi praktikal yang memanfaatkan pelajar dan industri.

Kedua-dua kerjasama ini bertumpu untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran dengan menawarkan pendedahan kepada cabaran industri dunia sebenar, projek dan senario penyelesaian masalah kepada pelajar dan fakulti. — Bernama